

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HGM 434 Geografi Pengangkutan

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. Tuliskan nota-nota mengenai yang berikut untuk menerangkan pertalian di antara guna tanah dan pengangkutan bandar:
 - (a) model graviti,
 - (b) model-model ekologi (struktur bandar), dan
 - (c) prinsip-prinsip Wardrop. (25 markah)

2. (a) Lukiskan suatu gambarajah yang menunjukkan proses perancangan pengangkutan bandar yang berasaskan guna tanah. (5 markah)
 - (b) Secara terperinci terangkan kaedah yang anda akan gunakan untuk mendapat jumlah masa perjalanan (total travel time) bagi pelajar kampus induk USM untuk menghadiri kuliah dalam tempoh sehari. (12 markah)
 - (c) Merujuk kepada 2 (b) apakah masalah-masalah yang anda akan hadapi? (8 markah)

3. Pengalaman proses pemodenan pengangkutan bandar di negara-negara barat tidaklah relevan bagi perbincangan proses pemodenan pengangkutan bandar di Malaysia. Adakah anda setuju? Jelaskan dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)

4. Adakah proses penswastaan bermaksud bahawa kerajaan tidak perlu lagi memainkan peranan di dalam sektor pengangkutan? Berikan jawapan anda dengan merujuk kepada sektor pengangkutan awam di kawasan bandar. (25 markah)
5. (a) Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, terangkan kekuatan dan kelemahan kaedah manfaat-kos di dalam perancangan projek-projek pengangkutan. (18 markah)
- (b) Sejauh manakah kaedah ini sesuai di dalam rangka konseptual geografi pengangkutan humanistik? (7 markah)
6. Sejauh manakah proses tukar ganti (trade-off) berlaku di antara komunikasi dan pengangkutan di kawasan bandar? Buktikan dengan contoh-contoh yang sesuai. (25 markah)
7. Tuliskan nota-nota ringkas mengenai yang berikut:
- (a) faktor-faktor yang mempengaruhi "modal split",
- (b) model interaksi ruang Ullman, dan
- (c) ciri-ciri sektor bukan korporat pengangkutan. (25 markah)

-oooOOOooo-